# Sumber pembelajaran

» *Sisipan SKOR, seminar BH jadi pelengkap*




***Mohd Zaki dan Zulkifli bersama peserta Seminar Didik Rakyat SPM** di Politeknik Seberang Perai.*
[ FOTO NUR IZZATI MOHAMAD / BH ]

**Oleh Nur Izzati Mohamad**
upen@bh.com.my

**Bukit Mertajam**

Pengisian padat latihan ulang kaji mengikut mata pelajaran dalam akhbar sisipan *SKOR BH* menjadikannya sebagai sumber bahan pembelajaran yang dinantikan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada setiap hari Rabu.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sama Gagah, Permatang Pauh, Noor Farzura Md Hamil, 17, menyifatkan kepelbagaian latihan dan penerangan mengenai sesuatu topik yang dipaparkan pada setiap halaman akhbar itu banyak membantu guru dan pelajar ketika sesi pembelajaran di sekolah.

Selain menggunakan sisipan *SKOR*, katanya, peluang menyertai Seminar Didik Rakyat SPM anjuran Yayasan Bank Rakyat dan *BH* bagaikan pelengkap kepada usahanya untuk mencapai kecemerlangan dalam SPM nanti.

"Di sekolah, saya sering menggunakan sisipan *SKOR* di dalam kelas dan apabila diberi peluang menyertai seminar pula, saya rasa bertuah kerana dapat bersemuka dengan penceramah yang juga penulis halaman sisipan *SKOR* untuk berkongsi panduan pembelajaran.

"Seminar sebegini bukan saja memberi ilmu tambahan kepada pelajar, sebaliknya dapat memotivasikan diri agar jangan mudah berputus asa dan sentiasa berazam meneruskan pembelajaran bagi mendapat keputusan cemerlang dalam SPM nanti," katanya.

Pengurus Cawangan Bank Rakyat Bukit Mertajam, Muhammad Zaki Abd Rahman turut hadir.

> "*Pengetahuan tambahan berkenaan akan* ***membantu calon untuk lebih mudah memahami dan berupaya menjawab soalan peperiksaan*** *mengikut skema ditetapkan"*
>
> ***Zulkifli Ariffin,***
> *Pengarah PSP*

## Penganjuran berterusan

Noor Farzura ialah antara 253 pelajar Tingkatan Lima dari 26 sekolah sekitar daerah Seberang Perai Tengah yang menyertai Seminar Didik Rakyat SPM di Politeknik Seberang Perai (PSP), baru-baru ini.

Seminar dua hari itu memberi pendedahan teknik menjawab soalan secara berkesan yang disampaikan oleh guru pakar.

Sementara itu, Pengarah PSP, Zulkifli Ariffin yang hadir merasmikan seminar berkenaan, berkata program sedemikian perlu diteruskan pada masa depan dalam membantu memastikan kesinambungan hubungan antara pelajar yang berterusan.

"Biarpun berlainan sekolah, peserta perlu mengekalkan hubungan yang terjalin dengan berkongsi pengetahuan dan latihan ulang kaji yang dapat membantu mereka mencapai kecemerlangan.

"Pengetahuan tambahan berkenaan akan membantu calon lebih mudah memahami dan berupaya menjawab soalan peperiksaan mengikut skema ditetapkan, sekali gus menyumbang kepada pencapaian cemerlang mereka.

Beliau turut berharap agar apa yang mereka peroleh ketika menyertai seminar ini dapat dikongsikan bersama rakan lain," katanya.



*Peserta tekun* ***mendengar motivasi yang disampaikan oleh penceramah.***

**SYARIKAT, PERTUBUHAN ATAU INDIVIDU YANG INGIN MENAJA KLINIK UPSR BH DIDIK BOLEH MENGHUBUNGI 03-2056 9780 (MOHD FEROZ ABU BAKAR) DAN 03-2056 9368 (MUHD FAKHRI)**

## Klinik UPSR BH Didik 2014 (Fasa 2)

CALON Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014 wajar merebut peluang mengikuti program bimbingan peperiksaan berkualiti anjuran Unit Pendidikan *BH* yang akan berlangsung sepanjang tahun 2014 di beberapa lokasi seluruh negara.

Maklumat lanjut hubungi Encik Samah 03-20569863, Nuraihan Muhammad Fakhri/Rosdi - 03-20569912/03-20569368.

- **KOTA KINABALU:** Hubungi Puan Yan 019-8120133. Klinik pada **21 dan 22 Jun.**
- **GOMBAK:** 012-310 1608/012-912 9542. Klinik pada **5 dan 6 Julai.**
- **SEREMBAN:** Hubungi 012-303 1032. Klinik pada **19 dan 20 Julai.**
- **PASIR PUTEH:** Hubungi Shamsul Bahri 012-9005050/012-9867700. Klinik pada **8 dan 9 Ogos.**
- **JERANTUT:** Hubungi Mohd Roselan Malek/Amir Hamzah 09-2665062/019-9278271/013-9822417. Klinik pada **9 dan 10 Ogos.**
- **LAHAD DATU:** Hubungi Hubungi 019-881 3533/019-8837557/016-5833609. Klinik pada **9 dan 10 Ogos.**
- **NILAI :** Hubungi 012-3031 032. Klinik pada **9 dan 10 Ogos.**
- **KEDAH (UUM):** Hubungi Mohd Yusnaidi Md Sabri/ Zabadi (04-9285818/019-4719675/017-8301229)). Klinik pada **15 - 16 Ogos.**
- **IPOH:** Hubungi 017-531 8985 Klinik pada **16 dan 17 Ogos.**
- **KUANTAN:** Hubungi 019-939 1024. Klinik pada **16 dan 17 Ogos.**
- **TANJUNG MALIM:** 016-458 4749/019-561 9673. Klinik pada **16 dan 17 Ogos.**
- **BATU PAHAT:** Hubungi Md Sharuddin, 07-432 0541/017-7993844. Klinik pada **22 dan 23 Ogos.**
- **SABAK BERNAM (PSIS):** 016-542 5547/012-655 0842/012-638 0443/019-222 1054. Klinik pada **23 dan 24 Ogos.**
- **SKUDAI:** Hubungi Norliza Shamsuddin, No 40, Jalan Palas 15, Taman Teratai, 019-7712512. Klinik pada **29 dan 30 Ogos.**
- **KUCHING:** Hubungi Troopz Resources 082381378/411691 atau Tuah Opong, 013-8088406/Khairool, 019-8183804, Faks: 082-422691. Klinik pada **30 dan 31 Ogos.** Tempat: Dewan DBKU.